



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN
EMOLUMEN TAHUN 2022**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

1. TUJUAN.....	1
2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI	1
3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI.....	1
4. HAL-HAL LAIN	3
5. TARIKH KUAT KUASA	3
6. PEMAKAIAN	4
LAMPIRAN 1:	5

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.3 (6)



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2022

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2022; dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran 1** dan ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 yang berkuat kuasa selaras dengan surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.BSKK.600-1/7/1 (15) bertarikh 8 Jun 2021: Cadangan Pindaan Arahan Perbendaharaan 105 – Tarikh Membayar Gaji dan surat rujukan MOF.BKSK.600-2/13/1(1) bertarikh 29 Oktober 2021: Penetapan Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2022.

3. PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) ini hendaklah dibaca bersama SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa.

3.1 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- 3.1.1 Mengunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) yang diterima daripada Pusat Pembayar Gaji beserta dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan bagi mengelakkan sebarang kelewatan.
- 3.1.2 Memastikan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) berkaitan kes kemasukan pegawai yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan dikemaskini dan diproses secara berasingan (*Late Cycle*) untuk membolehkan bayaran dibuat selewat-lewatnya pada hari akhir bekerja bulan tersebut.
- 3.1.3 Menyemak maklumat dalam laporan Fail Induk Gaji sebaik sahaja e-Penyata Gaji & Laporan yang berkenaan dapat dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) (www.anm.gov.my) dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu.

Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam laporan Fail Induk Gaji termasuk perkara berikut:

- (1) Butiran peribadi;
- (1) Nombor akaun bank; dan
- (2) Nombor rujukan:
 - (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
 - (ii) Cukai Pendapatan;
 - (iii) Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya;
- 3.1.4 Memastikan semua arahan bagi potongan emolumen adalah lengkap dan tepat dengan nama, nombor kad pengenalan baru dan nombor rujukan potongan.
- 3.1.5 Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan dibayar melalui Sistem Emolumen Berkomputer. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran emolumen melalui Arahan Pembayaran bagi kes-kes tertentu, kebenaran dan kelulusan Ketua Akauntan Kementerian atau Pengarah JANM Negeri/Cawangan hendaklah didapatkan terlebih dahulu.

3.2 Tanggungjawab Pejabat Perakaunan

- 3.2.1 Menetapkan tarikh pemprosesan larian emolumen bulanan untuk dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).

- 3.2.2 Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang dibayar melalui Sistem Emolumen Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui Arahan Pembayaran boleh dibenarkan bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan Ketua Akauntan Kementerian atau Pengarah JANM Negeri/Cawangan.
- 3.2.3 Selaras dengan AP105(a) yang berkuat kuasa, pembayaran emolumen bagi bulan Februari, Mac, Jun, September dan November 2022 akan dibuat pada hari Jumaat. Sehubungan itu, Pejabat Perakaunan di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor hendaklah memantau pengurusan bayaran emolumen pada hari berkenaan.

3.3 Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari

- 3.3.1 Bayaran hendaklah diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan
- 3.3.2 Tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya
u.p. : Unit Pengurusan Prestasi
emel : unit_prestasi@anm.gov.my
No. Tel. : 03 - 8882 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peraturan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

2 November 2021

s.k:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/Bendahari Negeri
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)



LAMPIRAN 1:

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2022**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2021**

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2022**

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
Januari	25.01.2022	Selasa	
Februari	25.02.2022	Jumaat	<i>Tahun Baru Cina 1 & 2 Februari 2022 (Selasa & Rabu)</i>
Mac	25.03.2022	Jumaat	
April	25.04.2022	Isnin	
Mei	25.05.2022	Rabu	<i>Hari Raya Puasa 3 & 4 Mei 2022 (Selasa & Rabu) Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2022 (Isnin & Selasa)</i>
Jun	24.06.2022	Jumaat	<i>Hari Gawai 1 & 2 Jun 2022 (Rabu & Khamis)</i>
Julai	25.07.2022	Isnin	<i>Hari Raya Haji 10 & 11 Julai 2022 (Ahad & Isnin)</i>
Ogos	25.08.2022	Khamis	
September	23.09.2022	Jumaat	
Oktober	18.10.2022	Selasa	<i>Hari Deepavali 24 Oktober 2022 (Isnin)</i>
November	25.11.2022	Jumaat	
Disember	19.12.2022	Isnin	<i>Hari Krismas 25 Disember 2022 (Ahad)</i>